

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 1/2025

Prestasi memberangsangkan tenaga buruh dan perdagangan luar, bersama dengan kadar inflasi yang sederhana, terus mengukuhkan prospek ekonomi 2025

PUTRAJAYA, 27 JANUARI 2025 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 1/2025**. Edisi ini menumpukan kepada statistik terkini yang diterbitkan pada November 2024 serta beberapa statistik akan datang untuk Disember 2024. Selain itu, edisi ini turut memuatkan artikel tambahan bertajuk “Perbandaran di Malaysia” yang membincangkan hubungan di antara perbandaran dan KDNK serta menyoroti bagaimana pertumbuhan bandar merangsang aktiviti ekonomi. Artikel ini menekankan keperluan pelaburan di negeri yang kurang urbanisasi untuk mencapai kemakmuran yang seimbang.

Menurut laporan terkini, *Global Economic Prospect* Januari 2025 oleh *World Bank* meramalkan pertumbuhan ekonomi global akan stabil pada kadar sederhana 2.7 peratus bagi tempoh 2025-2026. *Emerging Markets and Developing Economies* (EMDE) dijangka berkembang pada 4.0 peratus. Sementara itu, ekonomi Malaysia diramalkan bertumbuh pada 4.5 peratus pada tahun 2025. Peningkatan perbelanjaan domestik dan aktiviti pelaburan serta asas perdagangan luar yang lebih kukuh, menjadi petunjuk potensi ekonomi Malaysia. Memandangkan Malaysia adalah ekonomi berasaskan eksport, tumpuan akan diberikan kepada bagaimana dasar-dasar Amerika Syarikat mempengaruhi dinamik perdagangan, terutamanya dalam sektor semikonduktor dan komoditi seperti minyak sawit serta minyak & gas.

Dari segi prestasi ekonomi Malaysia, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Ekonomi Malaysia dijangka berkembang 4.8 peratus pada suku tahun keempat 2024, dipacu oleh prestasi kukuh dalam sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pembinaan, walaupun terdapat penyusutan dalam sektor Pertanian dan Perlombongan. Pertumbuhan keseluruhan tahun 2024 diunjur pada kadar 5.1 peratus, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, pemulihan sektor luar, serta pelaburan strategik dalam tenaga boleh diperbaharui dan infrastruktur digital, yang menjadi faktor utama dalam menggalakkan pembangunan mampan dan memastikan daya tahan ekonomi jangka panjang."

Dalam perkembangan positif, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia bertumbuh 3.6 peratus tahun ke tahun pada November 2024, meningkat daripada 2.0 peratus pada Oktober 2024. Sektor Pembuatan menerajui pertumbuhan dengan kenaikan 4.6 peratus, manakala pengeluaran Elektrik menokok 3.9 peratus. Secara bulanan, IPP meningkat secara marginal 0.5 peratus pada November 2024, selepas kenaikan 1.7 peratus pada Oktober.

Mendorong momentum yang stabil, Sektor Pembuatan berkembang 4.5 peratus pada November 2024, dengan jualan mencapai RM161.9 bilion, meningkat daripada 3.0 peratus pada bulan sebelumnya. Lonjakan ini dipacu oleh kenaikan 12.3 peratus dalam subsektor Makanan, Minuman & Tembakau (berbanding 11.2% pada Oktober) dan peningkatan 7.1 peratus dalam Peralatan Elektrik & Elektronik (berbanding 3.2%). Secara bulanan, jualan meningkat 0.3 peratus, daripada RM161.4 bilion pada Oktober 2024.

Melihat gambaran keseluruhan sektor Perkhidmatan, Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan jualan RM149.3 bilion pada November 2024, menunjukkan peningkatan 4.7 peratus berbanding tahun sebelumnya. Perdagangan Runcit merupakan penyumbang utama dengan pertumbuhan 5.8 peratus kepada RM64.8 bilion, diikuti oleh Perdagangan Borong dengan RM66.2 bilion (naik 4.7%) dan Kenderaan Motor dengan RM18.3 bilion (naik 1.4%). Walau bagaimanapun, jualan bulanan merosot 0.5 peratus, dengan semua subsektor merekodkan penurunan.

Dari perspektif harga, kadar inflasi Malaysia mereda kepada 1.7 peratus pada Disember 2024. Prestasi ini dipengaruhi terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam kumpulan utama seperti Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barang & Perkhidmatan (3.2%). Dari sudut prestasi tahunan, kadar inflasi pada tahun 2024 merekodkan 1.8 peratus, menandakan penurunan inflasi dua tahun berturut-turut sejak 2022 terutamanya disumbangkan oleh kecenderungan Perkhidmatan Restoran & Penginapan yang lebih perlahan (3.1%).

Beralih kepada prestasi perdagangan luar Malaysia, prestasi perdagangan negara mengakhiri 2024 dengan pertumbuhan dua digit yang memberangsangkan sebanyak 14.6 peratus kepada RM257.9 bilion, dengan eksport meningkat 16.9 peratus kepada RM138.5 bilion dan import meningkat 11.9 peratus kepada RM119.3 bilion. Pada asas bulanan, eksport, import, jumlah perdagangan dan lebihan perdagangan masing-masing mencatat pertumbuhan positif sebanyak 9.7 peratus, 7.3 peratus, 8.5 peratus dan 27.4 peratus. Prestasi tahunan dan bulanan yang positif ini menunjukkan isyarat asas ekonomi yang lebih kukuh untuk tahun 2025.

Memberikan gambaran mengenai pasaran buruh Malaysia, beliau menekankan bahawa "Pasaran buruh Malaysia berkembang 1.7 peratus, mencapai 17.29 juta orang pada November 2024, manakala Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) meningkat kepada 70.5 peratus, berbanding 70.1 peratus pada tahun lalu. Jumlah penduduk bekerja meningkat 1.9 peratus kepada 16.75 juta orang, dan kadar pengangguran kekal pada kepada 3.2 peratus seperti yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Dari segi bulanan, tenaga buruh meningkat 0.1 peratus, bertambah 24,900 orang, manakala penduduk bekerja bertumbuh 0.2 peratus, dengan pertambahan 29,500 pekerja. Prestasi pasaran buruh yang kukuh ini menggambarkan pertumbuhan positif pada November 2024."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menekankan bahawa Indeks Pelopor (IP) Malaysia meningkat 2.5 peratus berbanding tahun sebelumnya kepada 112.6 mata. Walaupun IP masih berada di bawah tren jangka panjang iaitu 100.0 mata, permintaan domestik yang kukuh dan peningkatan eksport semikonduktor dijangka akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Rantaian ke hadapan, Malaysia berada pada kedudukan yang

baik untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan mengukuhkan daya tahan pada 2025. Disokong oleh prestasi yang kukuh dalam sektor utama, inflasi yang sederhana, dan aktiviti perdagangan yang kukuh, Malaysia dijangka mampu menangani cabaran domestik dan global dengan berkesan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Dikeluarkan oleh:


**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
27 JANUARI 2025**

Paparan 1: Indikator Ekonomi Bulanan

Indeks Pelopor

112.6


NOVEMBER 2024



Kadar Pengangguran

3.2%


NOVEMBER 2024



Pengeluaran Buah Tandan Segar

-2.0%


DISEMBER 2024



Pengeluaran Getah Asli

25.5%

NOVEMBER 2024



Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

3.6%


NOVEMBER 2024



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

4.5%

NOVEMBER 2024



Nota:

1) Kadar pengangguran adalah perkadaruan bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.


2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Isnin, 27 Januari 2025

Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit

4.7%


NOVEMBER 2024



Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

3.9%


NOVEMBER 2024



Eksport

16.9%


DISEMBER 2024



Import

11.9%


DISEMBER 2024



Indeks Harga Pengguna (IHP)

1.6%


DISEMBER 2024



Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

-0.4%

NOVEMBER 2024



Nota:

1) Kadar pengangguran adalah perkadaran bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.

2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MALAYSIA ECONOMIC STATISTICS REVIEW, VOLUME 1/2025

The promising performance of labour force and external trade, along with moderate inflation further reinforce the 2025 economic outlook

PUTRAJAYA, 27TH JANUARY 2025 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR), Volume 1/2025**. This edition focuses on the recent statistics released in November 2024 and some forthcoming statistics for December 2024. Furthermore, this edition features an additional article titled “Urbanisation in Malaysia” which discusses on the relationship between urbanisation and GDP as well as highlights how urban growth boosts economic activities. It emphasises the need for investment in less urbanised states for balanced prosperity.

According to the latest update, the World Bank’s January 2025 Global Economic Prospects report predicts that global economic growth will stabilise at a modest 2.7 per cent for 2025-2026. Emerging Markets and Developing Economies (EMDE) are projected to grow at 4.0 per cent. While, Malaysia’s economy is predicted to grow at 4.5 per cent in 2025. Increased domestic spending and investment activities alongside improved external trade fundamentals highlight Malaysia’s economic potential. For Malaysia, as an export-driven economy, the focus will be on how U.S. policies affect trade dynamics, particularly in semiconductors and commodities like palm oil and oil & gas.

In terms of Malaysia’s economic performance, Chief Statistician Malaysia, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned, “Malaysia’s economy is set to grow at 4.8 per cent in the fourth quarter of 2024, fuelled by strong performances in Services, Manufacturing, and Construction, despite contractions in Agriculture and Mining. Full-year growth for 2024 is projected at 5.1 per cent, supported by robust domestic

demand, a recovering external sector, and strategic investments in renewable energy and digital infrastructure, which are the key factors for fostering sustainable development and ensuring long-term economic resilience.”

In a positive development, Malaysia's Industrial Production Index (IPI) rose by 3.6 per cent year-on-year in November 2024, up from 2.0 per cent in October. The Manufacturing sector led the growth with a 4.6 per cent increase, while Electricity output rose by 3.9 per cent. On a month-on-month basis, the IPI increase marginally by 0.5 per cent in November 2024, following a 1.7 per cent rise in October.

Driving steady momentum, Malaysia's Manufacturing Sector saw a 4.5 per cent growth in November 2024, with sales hitting RM161.9 billion, up from 3.0 per cent the previous month. The surge was led by a 12.3 per cent incline in the Food, Beverages & Tobacco sub-sector (up from 11.2% in October) and a 7.1 per cent rise in Electrical & Electronics Products (up from 3.2%). On a monthly perspective, sales edged up by 0.3 per cent, from RM161.4 billion in October.

Looking at the broader picture of Malaysia's Services sector, the Wholesale & Retail Trade sector posted RM149.3 billion in sales in November 2024, marking a 4.7 per cent year-on-year increase. Retail trade led the way with a 5.8 per cent growth to RM64.8 billion, followed by Wholesale trade at RM66.2 billion (up 4.7%) and Motor vehicles at RM18.3 billion (up 1.4%). However, monthly sales dipped by 0.5 per cent, with all sub-sectors reporting declines.

On the prices perspective, Malaysia's inflation rate moderated to 1.7 per cent in December 2024. This was influenced mainly by a slower increase in the main group of Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services (3.2%). In view of annual performance, the inflation rate for 2024 recorded 1.8 per cent, marking a two-year consecutive decline in inflation since 2022 mainly contributed by a slower incline of Restaurant & Accommodation Services (3.1%).

Moving on to Malaysia's external trade performance, the country's trade performance ended 2024 with a remarkable double-digit growth of 14.6 per cent to RM257.9 billion, with exports increasing by 16.9 per cent to RM138.5 billion and imports rising 11.9 per cent to RM119.3 billion. On a monthly basis, exports, imports, total trade and trade surplus recorded positive growth of 9.7 per cent, 7.3 per cent, 8.5 per cent and 27.4 per cent, respectively. This positive yearly and monthly performance indicates a signal of stronger economic foundation for the year 2025.

Providing more insight into Malaysia's labour market, he emphasised that "Malaysia's labour force expanded by 1.7 per cent, reaching 17.29 million in November 2024, while the labour force participation rate (LFPR) rose to 70.5 per cent, up from 70.1 per cent a year ago. Furthermore, the number of employed persons grew by 1.9 per cent to 16.75 million. On a month-on-month basis, the labour force increased by 0.1 per cent, adding 24,900 persons, while employed persons rose by 0.2 per cent, with 29,500 more jobs created. The unemployment remained unchanged 3.2 per cent as recorded in the previous month. This strong labour market performance reflects positive growth in November 2024."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted that Malaysia's Leading Index (LI) increased by 2.5 per cent year-on-year to 112.6 points. Despite the LI remaining below the long-term trend of 100.0 points, strong domestic demand and rising semiconductor-related exports are expected to enhance economic growth. Looking forward, Malaysia is well-positioned to sustain economic growth and strengthen resilience in 2025. Supported by strong performance in key sectors, moderated inflation, and robust trade activity, Malaysia can effectively address domestic and global challenges.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".


Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

27th JANUARY 2025


Exhibit 1: Monthly Economic Indicator



Sales Value of Wholesale & Retail Trade

4.7%


NOVEMBER 2024



Volume Index of Wholesale & Retail Trade

3.9%


NOVEMBER 2024



Exports

16.9%


DECEMBER 2024



Imports

11.9%


DECEMBER 2024



Consumer Price Index (CPI)

1.6%


DECEMBER 2024



Producer Price Index (PPI) Local Production

-0.4%

NOVEMBER 2024



Note:

- 1) Unemployment rate is the proportion of unemployed population to the total population in labour force, expressed in %age.
- 2) The remaining indicators are expressed in year-on-year percentage change.